

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**  
**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA / TENDER**

Penyebut harga / petender adalah diingatkan supaya mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan apabila menyertai sebut harga / tender ini. Kegagalan mematuhi satu ataupun lebih daripada syarat-syarat ini, MAKA SEBUT HARGA / TENDER TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN DAN AKAN TERUS DITOLAK.

**1. HAK PUSAT PERUBATAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA / TENDER**

Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga / tender yang terendah atau mana-mana sebut harga / tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga / tender.

**2. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

2.1 Merujuk kepada 1Pekeliling Perbendaharaan/ Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan PK 1 Lampiran 1.2 selaras dengan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 28 Februari 2009:-

- 2.1.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 2.1.2 Sekiranya ada mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 2.1.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 2.1.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan

tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 2.1.5 Semua Agensi Kerajaan dikehendaki memasukkan Klausula Peringatan Kesalahan Rasuah dalam Surat Setuju Terima dan Dokumen Tender.
- 2.1.6 Penyebut harga / petender dikehendaki mengisi dan menandatangani Surat Akuan Pembida (Lampiran F) semasa menghantar dokumen sebut harga / tender. Manakal penyebut harga / petender yang berjaya dikehendaki mengisi dan menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran G) semasa mengembalikan Surat Setuju Terima. Wakil penyebut harga / petender yang menandatangani Surat Akuan Pembida dan Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa semasa menandatangani surat akuan tersebut.

### 3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA / TENDER

- 3.1 Hanya borang sebut harga / tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Perolehan ini sahaja boleh digunakan bagi penyertaan sebut harga / tender Pusat Perubatan Universiti Malaya. Lain-lain borang yang digunakan oleh penyebut harga / petender **TIDAK DITERIMA** kecuali sebagai tambahan (*attachment*) kepada borang asal.

#### 3.2 Jenama, Nama Pembuat, Tahun Pengeluaran dan Negara

Sila nyatakan dengan jelas akan maklumat yang diperlukan. Ini adalah untuk rujukan teknikal dan ini tidak menyekat penyebut harga / petender untuk menawarkan apa jua jenama / buatan / model item yang memberikan fungsi yang sama.

#### 3.3 Kuantiti dan Bentuk Bungkus

Nyatakan kuantiti yang ditawarkan berdasarkan kuantiti yang dikehendaki oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya dan bentuk pembungkusan yang ditawarkan.

#### 3.4 Tempoh Serahan / Jaminan / Pemasangan dan Penggunaan

Penyebut harga / petender dimestikan memberikan tempoh serahan bagi setiap item yang ditawarkan. Tempoh serahan adalah bermaksud tempoh barangan dapat dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya selepas Pesanan Tempatan Rasmi dikeluarkan. Tempoh serahan *ex-stock* adalah tidak dibenarkan.

Tempoh, jaminan, pemasangan dan penggunaan perlu dinyatakan bagi perolehan yang berkaitan.

### 3.5 Harga Kontrak Penyelenggaraan

Penyebut harga / petender dimestikan memberikan maklumat harga untuk kontrak penyelenggaraan bagi mana-mana alat kelengkapan / perisian yang memerlukan penyelenggaraan.

3.6 Penyebut harga / petender dikehendaki mengemukakan dokumen tawaran dalam bentuk *hardcopy*. *Softcopy* tawaran perlu disertakan menggunakan CD/USB, jika dinyatakan di dalam dokumen sebut harga / tender.

3.7 Sekiranya terdapat percanggahan maklumat di dalam tawaran berbentuk *hardcopy* dengan tawaran berbentuk *softcopy*, maka tawaran *hardcopy* akan diterima pakai sebagai tawaran yang sah.

3.8 Pengisian dokumen sebut harga / tender hendaklah bertaip. Tulisan tangan adalah **tidak dibenarkan** dan **akan ditolak**.

3.8 Penyebut harga / petender dikehendaki mengisi dan melengkapkan segala maklumat atau ruangan yang disediakan dalam dokumen sebut harga / tender. Sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi, lampiran tambahan hendaklah disertakan.

3.9 Penyebut harga / petender dimestikan mengemukakan dokumen tawaran dalam **dua (2) salinan** seperti berikut:-

#### 3.9.1 Salinan Harga (Salinan Pertama)

Dokumen tawaran yang lengkap dengan spesifikasi yang ditawarkan, nama penyebut harga / petender, harga tawaran, jenama dan model serta katalog (jika berkaitan).

#### 3.9.2 Salinan Teknikal (Salinan Kedua)

##### Perolehan Bekalan / Perkhidmatan

Dokumen tawaran yang lengkap dengan spesifikasi yang ditawarkan, jenama dan model serta katalog (jika berkaitan) **TANPA** harga tawaran, nama dan cop syarikat.

##### Perolehan Kerja-Kerja

Dokumen tawaran yang lengkap dengan spesifikasi yang ditawarkan, harga tawaran, jenama dan model serta katalog (jika berkaitan) **TANPA** nama dan cop syarikat.

Adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga / petender untuk memastikan segala maklumat, dokumen sokongan di dalam Salinan Pertama dan Kedua ini adalah mencukupi.

- 3.10 Setiap dokumen tawaran yang dikemukakan perlulah disusun rapi mengikut urutan seperti dalam dokumen sebut harga / tender. Penyebut harga / petender boleh menggunakan kaedah seperti penggunaan *fastener, binding, tagging, fail* atau lain-lain kaedah yang bersesuaian semasa mengemukakan dokumen tawaran tersebut. Semua dokumen sokongan juga perlu dikepilkan bersekali.
- 3.11 Penyebut harga / petender adalah dilarang mengubah atau meminda apa-apa maklumat di dalam dokumen sebut harga / tender. Sekiranya terdapat pindaan maka Pusat Perubatan Universiti Malaya berhak untuk :-
- 3.11.1 Tidak menerima pakai pindaan penyebut harga / petender dan mengekalkan spesifikasi asal; atau
- 3.11.1 Menolak tawaran penyebut harga / petender secara automatik.
- 3.12 Penyebut harga / petender hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan **kecuali** bagi perolehan tertentu sekiranya dinyatakan di dalam dokumen tawaran.

#### 4. BON PELAKSANAAN

Penyebut harga / petender yang berjaya akan dikenakan Bon Pelaksanaan sekiranya nilai kontrak melebihi RM200,000.00. Penyebut harga / petender dikehendaki menyediakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Insurans dari institusi yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia seperti berikut:-

- 4.1 Perolehan Bekalan / Perkhidmatan
- 4.1.1 2.5% daripada jumlah harga kontrak yang bernilai RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau
- 4.1.2 5% daripada jumlah harga kontrak bernilai melebihi RM500,000.00
- 4.2 Perolehan Kerja-Kerja
- 4.2.1 5% daripada jumlah harga kontrak

Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah daripada tarikh kontrak dimulakan sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas penghantaran terakhir mengikut mana yang terkemudian.

#### 5. INSURANS

Petender yang berjaya bagi Perolehan Kerja-kerja / Perkhidmatan akan dikehendaki menyediakan insurans-insurans berikut :-

5.1 Polisi Insurans Tanggungan Awam

5.1.1 Nilai perolehan < RM5 juta = nilai polisi insurans sekurang-kurangnya RM200,000.00.

5.1.2 Nilai perolehan di antara RM5 juta – RM50 juta = nilai polisi insuran sekurang-kurangnya RM1 juta.

5.2 Polisi Insuran Pampasan Pekerja

Nilai polisi insuran bersamaan dengan nilai perolehan.

**6. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih meliputi semua kos dan menggunakan mata wang Ringgit Malaysia (RM) sahaja.

**7. TEMPOH SAH LAKU HARGA**

7.1 Bagi Sebut Harga - Semua harga yang ditawarkan hendaklah sah laku dalam tempoh tidak kurang daripada 90 hari daripada tarikh sebut harga ditutup.

7.2 Bagi Tender - Semua harga yang ditawarkan hendaklah sah laku dalam tempoh tidak kurang daripada 120 hari daripada tarikh tender ditutup.

**8. PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA / TENDER**

8.1 Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat berlakri yang dicatitkan nama dan nombor rujukan sebut harga / tender di atas sampul surat tersebut.

8.2 Dokumen tawaran tersebut hendaklah dimasukkan sendiri oleh penyebut harga / petender ke dalam PETI SEBUT HARGA / TENDER yang disediakan di :-

Jabatan Perolehan  
Pusat Perubatan Universiti Malaya  
Lembah Pantai  
59100 Kuala Lumpur

8.3 Dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan. Dokumen tawaran yang lewat tidak akan diterima.

- 8.4 Dokumen tawaran sebut harga / tender yang dihantar melalui pos tidak akan diterima.
- 8.5 Pusat Perubatan Universiti Malaya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan dokumen tawaran akibat daripada kesilapan penyebut harga / petender memasukkan dokumen ke dalam peti sebut harga / tender yang salah.
- 8.6 Bagi sebut harga / tender yang memerlukan sampel / contoh, penyebut harga / petender hendaklah menyerahkan sampel / contoh tersebut seperti masa yang ditetapkan. Sampel / contoh bagi penyebut harga / petender yang berjaya tidak akan dikembalikan. Manakala bagi penyebut harga / petender yang tidak berjaya, sampel / contoh yang mempunyai nilai yang tinggi sahaja akan dikembalikan sekiranya permohonan dibuat secara bertulis oleh penyebut harga / petender dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya.
- 8.7 Penyebut harga / petender adalah diwajibkan agar mengembalikan CD/USB sekiranya dibekalkan oleh PPUM semasa proses pembelian dokumen sebut harga / tender.

## 9. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA / TENDER

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga / tender ini hendaklah ditanggung oleh pihak penyebut harga / petender sendiri.

## 10. SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah khususnya oleh penyebut harga / petender.

### 10.1 Kedaaan Barang

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulin, baru dan belum digunakan.

### 10.2 Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### 10.3 Pemeriksaan

10.3.1 Pusat Perubatan Universiti Malaya akan sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seorang pegawai yang dilantik

olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

10.3.2 Penyebut harga / petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

10.4 Pembungkusan

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

Apa-apa atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh pembekal.

10.5 Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu dibuat, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

10.6 Pesanan Tempatan dan Kuantiti

Bagi bekalan yang melibatkan kuantiti yang banyak, pesanan akan dibuat oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya dari masa ke semasa dan Pusat Perubatan Universiti Malaya tidak semestinya mengeluarkan pesanan bagi kesemua jumlah yang tercatat dalam sebut harga.

10.7 Harga Tawaran

Segala harga yang telah disetujui terima tidak boleh diubah di dalam tempoh sah laku harga.

10.8 Semua peralatan elektrik mestilah mematuhi piawaian terbaru yang ditetapkan oleh SIRIM. Jika SIRIM tidak ada piawaian untuk barangan tertentu, piawaian terbaru BRITISH mestilah dipatuhi.

10.9 Barang-barang dan ubat-ubat yang mempunyai tempoh tamat penggunaan hendaklah dibekalkan **SEKURANG-KURANGNYA DUA (2) TAHUN** dari tarikh tamat tempoh penggunaannya.

10.10 Semua bahan dan alat yang dibekalkan hendaklah mematuhi semua undang-undang Kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Bagi bahan-bahan racun seperti yang ditakrif di bawah Ordinan Racun, cuma penyebut harga / petender yang berlesen untuk mengendalikan bahan racun dibenarkan memasuki sebut harga / tender. Nombor lesen hendaklah diberikan di bawah "Lain-Lain Maklumat" dalam borang tender.

- 10.11 Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah berhak mempersetujui terima sebut harga / tender tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya.
- 10.12 Sekiranya penyebut harga / petender gagal mematuhi tempoh penghantaran atau gagal membekalkan barang-barangan mengikut kontrak, Pusat Perubatan Universiti Malaya boleh mengenakan denda dan memotong dari apa-apa wang yang kena bayar oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya kepada penyebut harga / petender bagi maksud pembayaran tersebut.

## 11. PELAKSANAAN GST DALAM PEROLEHAN

Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762) telah berkuatkuasa mulai 01 April 2015. Sehubungan itu, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas kontrak perolehan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) adalah seperti berikut:-

### 11.1 Pengisytiharan Nombor Pendaftaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

- 11.1.1 Penyebut Harga / Petender yang menyertai perolehan PPUM hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran GST.
- 11.1.2 Penyebut Harga / Petender yang menyertai perolehan PPUM hendaklah mengemukakan nombor pendaftaran GST.
- 11.1.3 Bagi penyebut harga / petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST namun akan menjadi penyebut harga / petender yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Agensi berkenaan perubahan status pendaftaran penyebut harga / petender tersebut di bawah Akta GST.
- 11.1.4 Setelah memaklumkan perubahan status pendaftaran GST tersebut, penyebut harga / petender boleh memohon pelarasan harga kontrak dan menuntut sebarang kenaikan GST daripada PPUM mulai tarikh penyebut harga / petender berdaftar GST dengan syarat kontrak semasa masih berkuat kuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.

### 11.2 Tawaran Harga Penyebut Harga / Petender

- 11.2.1 Hanya penyebut harga / petender yang berdaftar GST sahaja boleh mengenakan GST ke atas produk/ perkhidmatan/ kerja yang ditawarkan dalam perolehan PPUM.
- 11.2.2 Semua tawaran harga (pembelian terus, sebut harga dan tender) oleh penyebut harga / petender hendaklah dikemukakan tanpa kenaikan GST. Penyebut Harga / Petender yang Berjaya adalah berdaftar GST dengan



Jabatan Kastam Diraja Malaysia, pihak PPUM akan menawarkan nilai perolehan termasuk dikenakan GST.

- 11.2.3 Mana-mana penyebut harga / petender yang belum berdaftar GST tetapi akan menjadi wajib berdaftar GST setelah ditawarkan kontrak PPUM, surat setujuterima akan dikeluarkan oleh PPUM dengan tawaran harga termasuk dikenakan GST. PPUM perlu memastikan penyebut harga / petender mengemukakan nombor pendaftaran GST.

CONTOH